

# Sukan

AKSI / BERITA / TERKINI

# Sinar

sinarharian.com.my

## Terima kasih dunia gimnastik

Sinar Harian - 13/3/2022 (M18 40)

**STATUS** ratu gimnas negara Farah Ann Abdul Hadi dalam pasukan kebangsaan akhirnya terjawab apabila atlet berusia 27 tahun itu bersedia mengucapkan 'selamat tinggal' kepada dunia sukan tersebut.

"25 tahun lalu, seorang anak kecil mengambil keberanian dan menyertai dunia gimnastik. Terpesona untuk menjadi seorang gimnas, saya memulakan perjalanan yang akhirnya menjadi minat

terbesar dalam hidup saya.

"Sekarang selepas 25 tahun yang menakjubkan dalam sukan ini, saya akhirnya sudah bersedia untuk mengucapkan selamat tinggal daripada menjadi seorang gimnas kompetitif.

"Apa yang boleh saya katakan, terima kasih gimnastik atas memori indah dan pengalaman yang diperoleh. Di sepanjang perjalanan itu, saya mengorak langkah untuk mencapai impian saya,

layak dan beraksi di Sukan Olimpik, saya bersyukur atas persaraan saya yang mengikut jangka masa," kata Farah dalam satu hantaran di Instagramnya.

Pada masa sama Farah juga berterima kasih kepada semua pihak yang menyokongnya selama ini.

"Ia begitu menakjubkan. Terima kasih kepada semua. Gimnastik akan sentiasa menjadi sebahagian daripada saya, kerana ia akan selalu menjadi

minat saya.

"Saya berharap dapat memberikan sesuatu kembali kepada sukan ini. Saya mungkin bersara sebagai atlet tetapi saya akan sentiasa terus terbabit dalam dunia sukan," ujarnya lagi.

Untuk rekod, Farah merupakan antara atlet gimnastik negara paling berjaya di Sukan SEA menerusi penampilan edisi 2015 Singapura, 2017 Kuala Lumpur dan 2019 Manila.

